

17 DEC 1996

Perkauman

KERAJAAN AUSTRALIA AKAN BERTINDAK TANGANI ANCAMAN PERKAUMAN

MELBOURNE, 17 Dis (Bernama) -- Kerajaan Australia hari ini melahirkan perhatian beratnya mengenai laporan ancaman perkauman terhadap pelajar asing.

Menteri Luarnya, Alexander Downer berkata kerajaannya akan tetap memerangi perkauman di Australia sementara Menteri Pendidikan Senator Amanda Vanstone pula berkata mereka yang melakukan serangan perkauman terhadap pelajar asing adalah penjenayah dan perlu dikutuk.

Ketua Menteri Victoria, Jeff Kennett berkata beliau akan mengutuskan surat kepada Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menawarkan siasatan dijalankan berhubung dakwaan seorang pelajar Malaysia, Adrina Shazlin Shukor, 22, bahawa dia diserang secara lisan.

Vanstone berkata walaupun ancaman perkauman ke atas pelajar jarang berlaku tetapi ia perlu dipandang serius.

Downer berkata kerajaan pusat Australia mendapati perbuatan seperti itu menjijikkan dan bertekad untuk membanteras perkauman di mana saja ia berlaku.

Kenyataan mereka dibuat selepas Dr Mahathir memberi amaran bahawa Malaysia akan memanggil balik pelajarnya dari Australia jika keselamatan mereka terancam oleh perbuatan perkauman.

Kennett, yang telah menjalani perkhidmatan negara di Kem Terendak Melaka pada tahun 60an, berkata: "Ia bukan sesuatu yang kami terima. Ia sememangnya bukan sesuatu yang kami bertolak ansur apabila dibawa kepada pengetahuan kami".

Adrina memberitahu Bernama di Melbourne bahawa dia telah diserang di luar sebuah kedai 7-Eleven baru-baru ini. Dia takut dan geram dengan serangan secara lisan itu.

Profesor David Beanland, naib canselor Universiti RMIT, di mana Adrina sedang melanjutkan pelajaran di tahun akhir, berkata universiti itu menyifatkan kejadian itu sebagai tidak boleh dimaafkan.

"Universiti-universiti di Victoria dan Australia telah meningkatkan usaha bagi memastikan pelajar-pelajar antarabangsa diterima dan berada dalam keadaan selamat di kampus," kata Beanland.-- BERNAMA

NDC OBA